

14 MAY 1996

Mohamed-S46

IBU PEJABAT UMNO MINTA MANDAT MT KENDALI KEMASUKAN ANGGOTA S46

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Ibu Pejabat Umno akan meminta mandat Majlis Tertinggi (MT) parti itu untuk mengendalikan kemasukan anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) secara beramai-ramai, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Katanya, ibu pejabat Umno bersedia untuk mengadakan gerakan khusus untuk tujuan itu jika diberi mandat memandangkan kemasukan anggota S46 mengikut proses biasa di peringkat cawangan mungkin menghadapi masalah.

"Saya akan meminta MT supaya memberi tanggungjawab itu kepada ibu pejabat parti agar kemasukan mereka dapat dilakukan secara tenang dan mengurangkan masalah yang mungkin berbangkit," katanya kepada pemberita selepas jamuan tengah hari di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Jamuan itu sebagai tanda terima kasih MT dan anggota Umno kepada pertubuhan-pertubuhan media kerana memberi sokongan sepanjang sambutan ulang tahun Umno yang ke-50.

Mohamed berkata, buat masa inipun terdapat cawangan dan bahagian yang cuba menghalang kemasukan anggota baru walaupun mereka bukan daripada S46.

Katanya, dengan adanya gerakan khusus itu kelak, ibu pejabat parti akan bertindak sebagai penyelaras kemasukan anggota S46 melalui cawangan-cawangan yang dipilih oleh mereka.

"Lagipun, kelulusan kemasukan anggota adalah kuasa MT manakala cawangan, bahagian dan perhubungan hanya saluran. Jadi, saya fikir wajarlah ibu pejabat parti diberi mandat itu," katanya.

Menurut Mohamed, beliau akan mengemukakan cadangan itu pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno esok yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Baru-baru ini, Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, kemasukan anggota parti itu mungkin menghadapi masalah di peringkat cawangan kerana sebelum ini telah berlaku banyak perselisihan faham antara anggota Umno dan S46.

Bagaimanapun, menurut Tengku Razaleigh, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan untuk mengatasi masalah itu jika beliau dan anggotanya bersedia untuk masuk secara beramai-ramai.

Mengenai cadangan S46 untuk mengadakan jawatankuasa khas bagi mengkaji kemasukan anggota parti itu, Mohamed berkata, setakat ini ibu pejabat Umno belum mendapat sebarang arahan daripada MT.

Terdahulu semasa berucap, Mohamed menyifatkan liputan media sepanjang perayaan ulang tahun khususnya pada majlis tahlil perdana di Masjid Negara, perhimpunan perdana di Dataran Merdeka, Konvensyen UMNO dan Jamuan Perdana di PWTC sebagai sempurna.

Katanya sumbangan media itu amat berharga dan akan direkodkan dalam lipatan sejarah negara serta menjadi rujukan penting pada masa hadapan.

"Secara keseluruhannya saya amat berpuas hati terhadap liputan dan kerjasama media sepanjang perayaan ulang tahun ke-50 UMNO ini," katanya.

Mohamed juga mahu semua pihak media bersifat adil dalam membuat liputan dan media elektronik "sanggup berkorban" dengan mengadakan liputan secara langsung bagi sesuatu peristiwa yang bersejarah dan bermakna kepada negara.

-- BERNAMA

HS SAA NMO